

KENYATAAN TAWARAN
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS

RUJUKAN : MPKPs / 05 / L / 211

BERTARIKH : 13 MAC 2018

1. Tawaran adalah dipelawa kepada **KONTRAKTOR BUMIPUTERA TEMPATAN** yang mempunyai **SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)** yang berdaftar dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM / CIDB)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :-

SYARAT PENDAFTARAN	BUTIRAN TAWARAN	TAKLIMAT TAPAK
GREED G1 KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE14 LANDSKAP DILUAR BANGUNAN ATAU CE22 TREK PADANG PERMAINAN SINTETIK	KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENYIAPKAN PERALATAN PERMAINAN KANAK-KANAK DI TAMAN UTARA JEJAWI, TAMAN PADUKA IRA DAN TAMAN SERI FIRDAUS FASA 5 KANGAR PERLIS	TARIKH : 20 MAC 2018 (SELASA) MASA : 10.30 PAGI - 11.00 PAGI TEMPAT : KAWASAN LAPANG TAMAN UTARA JEJAWI, JEJAWI, PERLIS

2. Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan perlu dihadiri oleh penama yang ditauliahkan seperti nama dalam sijil pendaftaran sahaja. Wakil-wakil kontraktor adalah tidak dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Kontraktor perlu menunggu sehingga selesai taklimat dan lawatan tapak seperti yang diarahkan oleh Pihak Majlis. Sila bawa bersama **KAD PENGENALAN** dan **COP SYARIKAT** semasa lawatan tapak berkenaan.
3. Naskah dokumen tawaran boleh dibeli dengan harga **RM 10.00** daripada **BAHAGIAN PEROLEHAN, MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** di alamat **NO. 192, PERSIARAN JUBLI EMAS, 01000 KANGAR, PERLIS** mulai daripada :-
- a) Tarikh Penjualan Dokumen : **21 MAC 2018 (RABU) - 23 MAC 2018 (JUMAAT)**
 - b) Tarikh Penghantaran Dokumen : **26 MAC 2018 (ISNIN)**
 - c) Masa Penjualan Dokumen : **8.30 PAGI - 4.00 PETANG**
 - d) Waktu Rehat : **1.00 TENGAHARI - 2.00 PETANG (ISNIN - KHAMIS)**
: **12.15 TENGAHARI - 2.45 PETANG (JUMAAT)**
4. Semasa mengambil dokumen tawaran, kontraktor hendaklah mengemukakan **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR, SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)** serta **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** dan **SATU (1) SALINAN** bagi setiap sijil tersebut.
5. Permohonan dan pengambilan borang yang lewat daripada tarikh disebutkan di atas tidak akan dilayan.
6. **DOKUMEN TAWARAN ASAL** yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakari dan bertulis tajuk di sebelah kiri sampul surat serta dihantar supaya sampai ke Peti Tawaran di Majlis Perbandaran Kangar, Perlis tidak lewat dari jam **12.00 TENGAHARI** pada **26 MAC 2018 (ISNIN)**. Dokumen tawaran yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.
7. Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS**